

kenyataan
kenyataan

**tekad dan
komitmen**

*Resolusi Konvensyen Pengguna Kebangsaan
Pertama diadakan pada 13 hingga 15 Mac
2001, anjuran bersama FOMCA dan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna, di Hotel Quality, Kuala Lumpur.*

Diterbitkan oleh:



**FEDERATION OF MALAYSIAN CONSUMERS
ASSOCIATIONS (FOMCA)**

[Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia]

No. 1D-1, Bangunan SKPPK

Jalan SS9A/ 17

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-78762009

Faks : 03-78771076

E-mel : fomca@po.jaring.my

FOMCA adalah sebuah badan sukarelawan yang tidak berpolitik yang berjuang melindungi hak pengguna melalui penyelidikan, pendidikan, advokasi dan perwakilan.

ISBN 983-40315-3-X



9 789834 031534

Dicetak oleh:

Percetakan T.S. (M) Sdn. Bhd.

Prakata

FOMCA menyambut “Hari Pengguna Sedunia 2001” pada 15 March 2001 dengan melaksanakan beberapa aktiviti bagi mewujudkan kesedaran tentang isu-isu dan cabaran pengguna yang global seperti perdagangan bebas dalam isu pertanian dan pemakanan, kegunaan bioteknologi, penswastaaan dalam bidang kesihatan, dan teknologi maklumat.

Konvensyen Kebangsaan Pertama yang dianjurkan oleh FOMCA bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dalam Hal-Ehwal Pengguna diadakan untuk mengkaji hak, peranan dan tanggungjawab pengguna secara umum, peranan dan kerelevanan pergerakan pengguna di Malaysia dan peranan kerajaan dalam melindungi hak pengguna untuk menghadapi era globalisasi di abad ke-21 ini.

*Indrani Thuraisingham
Naib Presiden,
Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna-pengguna
Malaysia (FOMCA) dan Pengerusi Penganjur
Konvensyen
13-15 Mac 2001*

KENYATAAN TEKAD DAN KOMITMEN



Pergerakan pengguna di Malaysia kini memasuki era baru dengan tekad untuk memperkuat komitmen terhadap prinsip-prinsip asas dalam pasaran yang berpatutan, adil dan masyarakat yang bermaklumat. Pergerakan pengguna bukan hanya prihatin kepada nilai wang bagi pengguna, tetapi juga meletakkan hak dan pilihan pengguna dalam konteks keadilan sosial dan ekonomi untuk semua rakyat. Pergerakan pengguna sebagai sebahagian daripada masyarakat sivil, perlu memainkan peranan yang gigih dalam membasmi kemiskinan dan memastikan golongan miskin dan golongan yang tidak bernasib baik berupaya menikmati keperluan asas. FOMCA dan persatuan-persatuan pengguna lain akan berusaha dan bertekad meneruskan kesinambungan hubungan yang baik dengan kumpulan-kumpulan kepentingan awam lain kerana kita semua adalah pengguna dan warganegara Malaysia.

Konvensyen Pengguna Kebangsaan Pertama yang dianjurkan bersama oleh FOMCA dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah diadakan dari 13 hingga 15 Mac 2001 di Hotel Quality, Kuala Lumpur telah mengutarakan dalam enam buah bengkel merangkumi bidang-bidang seperti berikut:

- Kesihatan dan farmasi,
- Alam sekitar dan pembangunan lestari,
- Perkhidmatan kewangan, perbankan dan insurans,
- Media dan komunikasi,
- Perkhidmatan Awam,
- Jaminan dan keselamatan makanan,

Kami ingin merumuskan hasil perbincangan seperti berikut:

KESIHATAN

Setiap orang harus memperolehi kemudahan untuk mendapatkan keperluan asasnya dalam menikmati kualiti kesihatan dalam kehidupan dan berupaya menikmati rawatan kesihatan bagi menjaga spiritual dan gaya hidup yang bersesuaian.

Baru-baru ini kerajaan telah mencadangkan penubuhan Lembaga Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan sebagai langkah pembaharuan rawatan kesihatan. Langkah ini merupakan sebahagian daripada dasar kerajaan untuk menswastakan sebahagian daripada perkhidmatan sosial yang dilaksanakan oleh badan-badan kerajaan pada masa ini. Oleh itu, kami, pergerakan pengguna meminta pihak kerajaan tidak menswastakan rawatan kesihatan tersebut tetapi haruslah memelihara dan memperkukuhkan sistem rawatan kesihatan awam yang ada pada masa ini melalui sebuah Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan yang tidak bermatlamatkan keuntungan. Badan ini perlu bertanggungjawab, telus dan mewakili segenap lapisan rakyat dengan sumber kewangan berasaskan gaji dengan sumbangan secara pencukaian progresif.

Amalan kronisme dan pemberian kontrak adalah beberapa perkara yang dibincangkan melalui bengkel yang diadakan. Pengguna berasa kluatir dengan cadangan penswastakan rawatan kesihatan awam serta pembiayaan rawatan kesihatan melalui insurans komersial yang mementingkan keuntungan, akan menafikan hak-hak mereka yang menghidap penyakit berisiko tinggi dan memerlukan rawatan.

Tambahan pula, para peserta juga melahirkan rasa tidak puas hati terhadap Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang jelas mengecualikan hal-hal yang berkaitan dengan rawatan kesihatan di mana aduan mengenainya merupakan 60 peratus daripada jumlah aduan yang diterima oleh persatuan-persatuan pengguna. Para peserta bersetuju yang 'Piagam Pesakit' seharusnya dipormosikan dan diterima pakai oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan kesihatan seperti Kementerian Kesihatan, Kesatuan Pekerja-pekerja Malaysia, National Council of Women's Organisations dan klinik-klinik swasta.

Peserta-peserta juga membincangkan tentang amalan yang tidak sihat seperti

memakan makanan segera, materialisme, hedonisme dan budaya mementingkan diri sendiri di mana ia telah melemahkan nilai dan amalan kemanusiaan seperti penyusuan susu ibu, sikap bergotong-royong dan masyarakat penyayang, sikap suka menabung dan penggunaan secara bertanggungjawab.

Kami merumuskan bidang-bidang yang perlu diberikan keutamaan seperti berikut:

- Pergerakan pengguna meminta kerajaan agar memelihara dan mengekalkan sistem rawatan kesihatan awam melalui skim pembiayaan kebangsaan atau pelan insurans yang memberi perlindungan dari bayi hingga akhir hayat dengan meningkatkan belanjawan rawatan kesihatan berdasarkan kadar yang dicadangkan oleh WHO antara 4 hingga 8 peratus daripada KNK. Pada masa ini, kita hanya membelanjakan 2.3 peratus daripada KNK bagi rawatan kesihatan.
- Pergerakan pengguna didesak agar mendidik pemimpin persatuan pengguna dan melobi pihak kerajaan tentang kepentingan sistem rawatan kesihatan awam (yang dikendalikan oleh kerajaan) dan menimbulkan kesedaran terhadap tabiat pemakanan dan gaya hidup yang sihat.
- Pergerakan pengguna perlu menguatkan semangat kesukarelawan bagi membantu penyelenggaraan sistem rawatan kesihatan awam.
- Pergerakan pengguna hendaklah mencegah gejala penggunaan secara berlebihan.
- Pergerakan pengguna hendaklah menggalakkan penyertaan anggota masyarakat dalam perkhidmatan sosial seperti keprihatinan dan perkongsian dalam proses membuat keputusan.

Pelan tindakan khusus yang menjurus kepada objektif-objektif tersebut adalah:

Kerajaan

- Menerima pakai dan promosikan 'Piagam Pesakit' yang telah digubal oleh FOMCA.
- Membangunkan satu bentuk dasar dan amalan serta menguatkuasakan perundangan yang bersesuaian akan memberi jaminan untuk

mendapatkan rawatan kesihatan asas yang berkesan melalui skim pembiayaan kebangsaan atau insurans dengan mengubahsuai dan mengkaji semula pengendalian rawatan kesihatan terutama di kawasan luar bandar, mengawal perkembangan hospital swasta serta penghijrahan para doktor ke sektor swasta.

- Menggalakkan sepenuhnya tempoh penyusuan susu ibu dengan melaksanakan Inisiatif Hospital Mesra Bayi termasuk di hospital swasta dan rumah bersalin. Dalam hal ini Akta Hospital Swasta hendaklah dipinda dengan segera.

Pergerakan Pengguna

- Merunding dan merujuk kembali serta lobi dengan agensi berkaitan untuk menerima pakai Piagam Pesakit.
- Menimbulkan kesedaran melalui pendidikan pengguna, dialog dan kempen bagi menggalakkan amalan penjagaan kesihatan dan pemakanan yang sihat serta 'Piagam Pesakit'.
- Menyegerakan kemasukan kod dan persidangan yang penting dalam kurikulum serta menggalakkan gaya hidup yang bersesuaian seperti penyusuan susu ibu, mengambil makanan sayuran tempatan dan sebagainya.
- Menubuhkan satu panel penasihat yang terdiri daripada tiga pihak iaitu Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Kementerian Kesihatan dan pertubuhan masyarakat bagi memantau dan mengadakan dialog.

ALAM SEKITAR DAN PEMBANGUNAN LESTARI

Pola penggunaan dan pengeluaran mempunyai impak ke atas alam sekitar dan kesedaran ke arah ini perlu menggalakkan kita dalam pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari dan beretika.

Pergerakan pengguna hendaklah memastikan perlaksanaan dan pemantauan inisiatif antarabangsa terhadap bahan-bahan kimia dalam perdagangan antarabangsa (skim UNEP), racun makhluk perosak (Kod Amalan FAO) dan Susu Gantian Bayi (Kod WHO). Ia juga perlu memastikan penamatan

pengeksporan dan pemerosesan bahan-bahan yang merbahaya serta mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan pengeksporan dan pemindahan teknologi berisiko tinggi tanpa penilaian kesan alam sekitar terlebih dahulu seperti makanan yang diubahsuai genetiknya.

Perbincangan pembangunan lestari memberi tumpuan kepada pengurusan sumber tanah, air dan udara yang lestari. Para peserta telah membangkitkan isu-isu terkini tentang pembangunan kawasan tinggi, pembalakan dan penghapusan hutan, kesan perdagangan ke atas amalan pertanian lestari dan pengurusan sisa-sisa buangan merbahaya.

Kami merumuskan untuk melaksanakan bidang-bidang keutamaan seperti berikut:

- Pergerakan pengguna perlu memastikan bahawa penggunaan dan pengurusan sumber lestari hendaklah dijadikan sebagai prinsip utama dalam membuat keputusan.

Pelan tindakan khusus termasuk:

Kerajaan

- Memastikan Laporan Penilaian Sosial dan Kesan Alam Sekitar hendak dilakukan dan dibuka kepada umum.
- Menggalakkan sistem dan dasar pengangkutan bandar bagi mengurangkan penggantungan kepada kenderaan motor persendirian yang telah meningkatkan kadar pencemaran.
- Menggalakkan cara-cara yang selamat, berkesan dan memelihara sistem ozon serta alternatif yang rendah bagi menggantikan penggunaan CFC.
- Menggalakkan biodiversiti, ekosistem asli dan bekalan air.
- Menggalakkan dan menyokong amalan pertanian dan perhutanan yang lestari.
- Menganjurkan perundingan dengan kumpulan masyarakat yang lebih besar termasuk pergerakan pengguna mengenai isu yang memberi kesan terhadap gaya hidup mereka.

Pergerakan Pengguna

- Membentuk satu senarai kriteria penggunaan dan pengurusan sumber.
- Menggalakkan langkah-langkah yang dapat mengurangkan penggunaan sumber secara membazir dan mengelakkan kerosakan kepada alam sekitar.
- Membentuk gandingan strategik bagi meningkatkan tahap penglibatan dalam perbincangan awam.
- Meningkatkan kesedaran pengguna dalam memastikan mereka mempunyai maklumat dan pendidikan tentang kesan kepada alam sekitar akibat keputusan pembelian dan pilihan gaya hidup mereka.
- Mengambil bahagian dan memberi input dalam perundingan mengenai pembangunan lestari.

PERKHIDMATAN KEWANGAN, PERBANKAN DAN INSURANS

Globalisasi dan liberalisasi Perdagangan dan Kewangan

Kehidupan seharian pengguna adalah dipengaruhi secara langsung oleh tindakan kerajaan dalam meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan. Aliran kewangan spekulasi, penggabungan dan pengambilalihan korporat adalah perkara yang diberikan perhatian kerana ia telah memberikan kawalan sumber kepada syarikat-syarikat multinasional. Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) telah bertindak membolehkan ke arah proses ini, dan dengan ini menjadikan yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Amalan yang tidak telus oleh institusi kewangan antarabangsa seperti Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) telah menyebabkan negara-negara sedang membangun seperti Malaysia tidak mampu bersaing dan negara-negara ini menghadapi kesulitan untuk menggunakan teknologi dan pasaran negara maju.

Kami merumuskan untuk melaksanakan bidang keutamaan seperti berikut:

- Pergerakan pengguna hendaklah memberi kesedaran di kalangan pemimpin persatuan pengguna tentang keperluan bagi memastikan kepentingan dan hak-hak pengguna diiktiraf serta dilindungi dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa dan kewangan.
- Bank-bank di Malaysia hendaklah hanya memberikan tumpuan kepada perbankan dan tidak terlibat dalam bidang perniagaan yang lain seperti insurans, bank pelaburan, sekuriti / broker saham dan sebagainya kerana bidang-bidang perniagaan ini mempunyai risiko tinggi manakala bagi bidang perbankan, ia tidak mempunyai risiko secara semula jadi. Perkara ini boleh memberi kesan buruk ke atas keputusan operasi bank induk dan akhirnya menjejaskan para pengguna. Contoh yang paling jelas ialah penajaan jaminan (*under-writing*) Time Dot Com.
- Undang-undang Anti Monopoli hendaklah digubal bagi membentaras amalan monopoli sebagaimana yang diamalkan oleh syarikat-syarikat besar yang bertopengkan kepada globalisasi, tetapi perkara ini sebenarnya adalah cubaan untuk mengawal pasaran dan akhirnya akan meningkatkan harga.

Tindakan khusus termasuk:

Kerajaan

- Memastikan pembuatan dasar perdagangan dan ekonomi turut mengambil kira penglibatan dan kepentingan semua pihak yang terlibat (*stakeholder*) termasuk pengguna, terutama semasa perbincangan komitmen baru di bawah undang-undang perdagangan dan kewangan antarabangsa.
- Turut serta dan mengetuai negara-negara sedang membangun yang lain dalam mendesak WTO dan badan seumpamanya agar beroperasi dalam bentuk yang terbuka dan mudah dicapai teknologi maklumat dan pasaran oleh negara-negara sedang membangun.
- Menginstitusikan perundingan secara berkala dengan kumpulan pengguna dan kumpulan masyarakat yang lain.

- Mentafsirkan semula hubungan antara perjanjian hak harta intelek berkaitan perdagangan (TRIPS) dan perjanjian sejagat melindungi biodiversiti, pengiktirafan hak-hak pengguna diutamakan dalam perniagaan-perniagaan berkaitan dengan pencapaian ubatan.
- Memeriksa dan mengawal kesan-kesan pergerakan modal sejagat ke atas pengguna di Malaysia yang menyebabkan jurang yang lebih besar dan ketidaksamaan.

Pergerakan Pengguna

- Menganjurkan forum dan seminar kepada pemimpin pengguna dan melibatkan mereka secara proaktif dengan isu-isu yang berkaitan seperti TRIPS, GATS di bawah peraturan WTO.
- Membuat cadangan secara berterusan kepada kerajaan tentang isu yang memberi kesan kepada pengguna berkenaan dengan liberalisasi perdagangan dan kewangan.

MEDIA DAN KOMUNIKASI

Mengeratkan hubungan antara media dan pergerakan membolehkan pengupayaan pengguna dan membantu persatuan-persatuan pengguna dalam memainkan peranannya.

Perhubungan antara media dan pergerakan pengguna pada masa ini adalah di peringkat ad hoc. Oleh itu, perlu dibentuk strategi yang bersepadu di antara kedua-dua pihak bagi memastikan pengguna tidak dipergunakan atau dipinggirkan.

Kami merumuskan bidang keutamaan seperti berikut:

- Membentuk strategi yang bersepadu dengan pihak media untuk memudahkan penyaluran maklumat dan berita.

Pelan tindakan khusus termasuk:

Media

- Hendaklah peka terhadap isu rakyat dan bertanggungjawab pada sebarang usaha kumpulan masyarakat.

Pergerakan Pengguna

- Menubuhkan panel penasihat di antara pergerakan pengguna dan media bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan pengguna secara berkala.

PERKHIDMATAN AWAM

Bertanggungjawab, urus tadbir yang cekap dan penswastaaan terhadap kemudahan awam serta perkhidmatan sosial.

Perubahan pengurusan dan peraturan dalam kemudahan awam - air, elektrik, gas, pembentungan, pengangkutan dan telekomunikasi serta teknologi yang digunakan memberikan kesan secara langsung kepada kadar bayaran, mutu dan keyakinan terhadap perkhidmatan ini. Kemampuan pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan ini secara mudah adalah merupakan hak pengguna yang paling asas. Penswastaaan tidak boleh dijadikan sebagai penyelesaian yang utama bagi mengatasi masalah amalan pengurusan. Kepentingan pengguna haruslah dititikberatkan dalam perancangan masa hadapan perkhidmatan ini, termasuk keputusan tentang penswastaannya.

Juga disuarakan kurangnya pertimbangan terhadap perundingan umum dan penglibatan rakyat berkaitan isu-su pembangunan yang memberi kesan langsung kepada pengguna. Ketidaktelusan dan kurangnya akauntabiliti membawa kepada keputusan yang tidak berwibawa dan ini menggugatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap pemimpin yang dipilih dalam organisasi kerajaan.

Trend masa kini di mana projek yang diswastakan telah diambilalih semula dengan menggunakan dana awam seperti MAS, STAR-LRT, IWK dan Time Dot Com menunjukkan syarikat-syarikat ini disalahurus apabila diswastakan.

Adalah penting kerajaan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang diambil-alih dengan penglibatan rakyat dan penyertaan masyarakat umum.

Kami merumuskan bidang keutamaan seperti berikut:

- Pergerakan pengguna melobi bagi mendapatkan kuasa perundangan dan penglibatan kalangan masyarakat dalam penyediaan perkhidmatan kemudahan awam dan sosial.
- Pergerakan pengguna menekankan supaya penglibatan dan perwakilan daripada semua pihak berkepentingan khususnya wakil kumpulan masyarakat dalam proses membuat keputusan, pelaksanaan dan pemantauan.

Pelan khusus termasuk:

Kerajaan

- Memilih ahli Majlis Kerajaan Tempatan.
- Melantik wakil daripada pertubuhan masyarakat dalam Majlis Kerajaan Tempatan bagi tempoh interim.
- Menyediakan ruang dan menginstitusikan penglibatan pihak-pihak yang berkaitan dalam proses membuat keputusan, pelaksanaan dan pemantauan.

Pergerakan Pengguna

- Melancarkan kempen urus-tadbir baik pihak berkuasa dan menimbulkan kesedaran tentang perlunya penglibatan yang lebih besar dari kalangan pihak-pihak berkaitan yang berlainan.
- Mendesak agar dilaksanakan cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Athinahappan supaya diadakan pemilihan majlis kerajaan tempatan.
- Melobi agar dimasukkan wakil persatuan pengguna dan pertubuhan masyarakat sebagai ahli majlis kerajaan tempatan.

JAMINAN MAKANAN DAN KESELAMATAN MAKANAN

Jaminan makanan ialah kesediaan, kemudahcapaian dan kemampuan

kepada makanan yang selamat oleh semua rakyat. Jaminan makanan hanya boleh dicapai jika terdapat satu sistem di mana kedaulatan makanan dijamin. Kedaulatan makanan adalah hak sesebuah negara untuk memelihara dan membangunkan keupayaannya untuk mengeluarkan makanan asasi, berasaskan kepelbagaian budaya dan pengeluaran, yang selamat dan berkhasiat.

Perkara yang diberi perhatian dalam keselamatan makanan ialah hal-hal yang berkaitan dengan penggunaan racun makhluk perosak yang berleluasa dan makanan yang diubahsuai genetik. Hal ini telah menimbulkan keperihatinan di kalangan pengguna tentang keselamatan makanan dan kesannya terhadap alam sekitar. Tabiat pemakanan dan gaya hidup pengguna telah membawa kepada pengimportan makanan menyebabkan penggantungan terhadap makanan import tanpa memberikan penekanan kepada penggunaan makanan tempatan atau domestik. Dasar Pertanian Ketiga pada masa ini lebih menekankan kepada pengeksporan bahan pertanian, yang tidak memberikan keutamaan kepada jaminan dan keaslian makanan.

Kami merumuskan untuk melaksanakan bidang keutamaan seperti berikut:

- Pergerakan pengguna bersama pihak kerajaan haruslah membangunkan dasar-dasar dan amalan pertanian yang membawa kepada kemampuan berdikari yang lebih baik dan pengurusan secara kolektif dalam sektor pertanian di peringkat tempatan.
- Kerajaan dan industri perlu menghormati hak pengguna untuk mendapatkan maklumat dan hak untuk membuat pilihan sebelum mengimport teknologi genetik dan makanan diubahsuai genetik dengan mewajibkan pelabelan yang jelas.
- Kerajaan perlu menanggukkan pengimportan teknologi genetik dan makanan diubahsuai genetik bagi tempoh minima lima tahun sehingga penilaian kesan keselamatan dibuktikan selamat sepenuhnya.

Pelan tindakan khusus termasuk:

Kerajaan

- Mengubal dasar dan peraturan nasional yang menyokong amalan

pertanian lestari, program bersepadu pengurusan perosak dan pertanian organik.

- Memastikan susu ibu sebagai susu pertama bagi bayi. Penyusuan susu ibu adalah perlu bagi tempoh enam bulan dan berterusan sehingga berumur dua tahun. Dalam hal ini kerajaan perlu menggunakan Kod Antarabangsa bagi Pemasaran Susu Bayi Gantian (*supplement*) sebagai undang-undang negara ini. Undang-undang berkaitan hendaklah dikaji semula dan diubahsuai sebagai contoh cuti bersalin, kemudahan penyusuan ibu bagi ibu yang bekerja.
- Menggalakkan penglibatan pengguna dalam penubuhan piawaian kebangsaan dan antarabangsa untuk makanan di bawah CODEX.
- Menyokong dasar pengagihan tanah kebangsaan yang telus kepada golongan masyarakat yang benar-benar berminat dengan pertanian.
- Memastikan makanan adalah selamat dan diiklankan dengan betul dan benar.
- Mengharamkan penggunaan hormon dan antibiotik dalam makanan ternakan dan pengeluaran bahan makanan.
- Menyemak semula Perjanjian Pertanian (AOA) yang membenarkan lebihan pengeluaran pertanian dilambakkan di negara sedang membangun.

Pergerakan Pengguna

- Menggalakkan penggunaan makanan tempatan yang dihasilkan secara organik melalui pendidikan pengguna.
- Menggalakkan pemasaran makanan secara terus antara pengeluar dan pengguna di peringkat masyarakat bandar dan luar bandar.
- Menggalakkan dan membantu pembentukan kumpulan sokongan ibu dan program pendidikan penyusuan susu ibu yang lain.
- Menganjurkan forum dan seminar untuk pemimpin pengguna dan melibatkan mereka secara proaktif dengan isu-isu yang berkaitan dengan AOA, bioteknologi dan isu TRIPS yang membawa impak atas hak paten kehidupan, akses para petani kepada benih, air, tanah dan

teknologi asal / tempatan dan kawalan.

- Melobi dengan kerajaan untuk menukar dasar dengan menunjukkan kesan dan impak perjanjian perdagangan antarabangsa.

Sebagai kesimpulan, pergerakan pengguna perlu bertindak segera bagi memperkenalkan perundangan perlindungan pengguna yang bersesuaian, terutamanya untuk melindungi golongan pengguna yang sering ditindas dan kurang bernasib baik seperti wanita, kanak-kanak, orang-orang tua, masyarakat orang asli dan golongan kurang upaya, dalam mentafsirkan para pengguna mendapat akses kepada keperluan asas, sementara kerajaan pula perlulah menyokong dan bekerjasama dengan pergerakan pengguna untuk mendapatkan keadilan.

Perpaduan pengguna dan gandingan strategik dengan pertubuhan masyarakat lain adalah penting bagi meningkatkan lagi perlindungan pengguna.